

31 DEC 2001

DAP-Indera Kayangan

BA HADAPI TUGAS BERAT UNTUK MENANG DI INDERA KAYANGAN, KATA KERK

MELAKA, 31 Dis (Bernama) -- Barisan Alternatif (BA) akan menghadapi tugas berat untuk memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan di Perlis, kata Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock.

Kerk berkata secara peribadi beliau berpendapat Barisan Nasional (BN) berpeluang memenangi pilihan raya itu berdasarkan suasana sekarang.

Semalam, Kerk mengumumkan selepas mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Eksekutif Pusat (CEC) di Petaling Jaya bahawa DAP tidak akan bertanding pada pilihan raya kecil itu.

"CEC juga memutuskan DAP tidak akan terlibat dengan sebarang kempen BA pada pilihan raya kecil itu dan tidak akan menghantar pemimpin kami," katanya pada satu persidangan berita di sini hari ini.

Kerk mahu semua ahli-ahli DAP mematuhi keputusan parti untuk tidak turut serta dalam kempen pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil Indera Kayangan itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Khor Liang Thee kerana barah usus pada 19 Disember lalu.

Ditanya sama ada BA ada meminta bantuan DAP bagi menghadapi pilihan raya itu, Kerk berkata "secara rasmi, tiada."

Kerk yang juga anggota parlimen Kota Melaka berkata pilihan raya kecil di Indera Kayangan boleh dijadikan kayu pengukur sejauh mana sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikatakan melonjak berikutan serangan penganas di New York pada 11 September lepas.

Keputusan pilihan raya itu juga, menurut Kerk, adalah bagi mengetahui sejauh mana pengaruh parti PAS yang dikatakan menerima sokongan kuat di negeri-negeri Utara Semenanjung.

"Dalam banyak hal yang berkaitan, ia juga bagi menguji sama ada pengaruh gerakan Reformasi parti Keadilan masih kuat dan bagaimana sokongan masyarakat Cina kepada BN," katanya.

Kerk juga mengulangi tidak timbul persoalan pada masa ini bahawa parti itu yang mengisytiharkan keluar daripada gagasan BA pada 22 September lepas untuk menyertainya semula.

"Soal DAP menyertai semula BA tidak lagi timbul," kata beliau.

-- BERNAMA

NO ZB